

# Garis Panduan Untuk Kontraktor Berkerja Semula / Memulakan Kerja Pasca PKP

**JABATAN HARTA BINA**

# Pendahuluan

- Kontraktor/ Syarikat hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina (terkini) yang dikeluarkan oleh CIDB serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.
- Kontraktor/ Syarikat hendaklah mematuhi garis panduan / arahan berkaitan langkah pencegahan Covid-19 oleh UTM yang dikeluarkan dan dikemas kini dari masa ke semasa.
- Kontraktor/syarikat sektor pembersihan yang telah memulakan kerja semenjak PKP1, mestilah mematuhi arahan ini dari masa ke semasa.
- Garis panduan untuk kontrak berkerja semula terbahagi kepada dua bahagian: (1) Kelulusan berkerja semula/memulakan kerja, (2) Amalan kerja harian

# (1) Kelulusan berkerja semula/memulakan kerja ...

Kelulusan berkerja semula/memulakan kerja dikeluarkan setelah perkara-perkara berikut dipenuhi/dikemukakan:

1. Senarai nama pekerja beserta jawatan masing-masing yang akan melaksanakan kerja di tapak.
2. Keputusan saringan Covid-19 pekerja bukan warganegara termasuk pekerja subkontraktor sebelum kerja dimulakan di tapak.
3. Perancangan saringan pekerja sebelum memasuki kampus dan tapak projek termasuk borang jadual saringan dan senarai peralatan yang disediakan di tapak.

# (1) Kelulusan berkerja semula/memulakan kerja ...

4. Surat pelantikan pasukan petugas khas dan ketua di kalangan pekerja yang bertanggung jawab memantau amalan pencegahan penularan wabak Covid-19 ini di tapak bina.
5. Lakaran perancangan laluan pergerakan keluar/masuk di tapak bina dan pejabat tapak serta lakaran tempat duduk pekerja di tempat rehat/kantin bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi.
6. Perancangan kerja yang lengkap bagi kerja/baki kerja di tapak dalam program kerja pindaan yang memaklumkan tarikh sebenar kerja fizikal hendak dimulakan beserta sumber sama ada buruh dan bahan binaan daripada pembekal bagi memastikan tiada kekangan atau risiko baru dan mengelakkan masalah kelewatan kerja di tapak.

# (1) Kelulusan berkerja semula/memulakan kerja

7. Pihak Kontraktor diwajibkan mengemukakan perkara-perkara berikut:
  - a. Bon Pelaksanaan
  - b. Polisi-polisi Insurans
    - i. Insuran Kerja } atau Nota Liputan
    - ii. Insuran Tanggungan Awam } ('Cover Note')
    - iii. Nombor PERKESO/SOCSO
  - c. Permit-to-work (PTW)

## (2) Amalan kerja harian ....

1. Melaksanakan secara harian imbasan suhu badan dan memastikan pekerja sihat sebelum memasuki kampus serta merekodkan secara harian imbasan suhu badan dan perakuan sihat pekerja yang disahkan oleh penyelia/pengurus kontraktor untuk rujukan pegawai UTM.
2. Hanya pekerja berdaftar sahaja dibenarkan masuk ke kampus (seperti tersenarai dalam kelulusan memulakan kerja).
3. Masuk/keluar ke dalam kampus adalah secara berkumpulan dan diiringi dengan rekod imbasan suhu badan dan perakuan sihat pekerja yang disahkan oleh penyelia/pengurus kontraktor.
4. Waktu bekerja adalah 5 hari seminggu iaitu daripada 0800-1730 (Kampus UTM Johor Baharu: Ahad-Khamis, Kampus UTM Kuala Lumpur: Isnin - Jumaat)

## (2) Amalan kerja harian ....

5. Menyediakan hand sanitizer di tapak bina untuk mencuci tangan dan pelitup muka serta alat pelindung diri untuk setiap pekerja di tapak, kontraktor perlu memastikan pekerja menggunakannya dan mengamalkan penjarakan sosial.
6. Memastikan semua pekerja hanya berada di dalam kawasan tapak bina dan tidak dibenarkan untuk bergerak ke kawasan lain di sekitar kampus. Pekerja juga tidak dibenarkan keluar-masuk kampus.
7. Memastikan prosedur saringan dipamerkan di pejabat tapak dengan mengambil kira langkah-langkah yang akan diambil sekiranya terdapat pekerja yang mempunyai gejala-gejala Covid-19.

# Kawalan Kemasukan Bahan Binaan & Loji

1. Lori bahan binaan dan loji binaan keluar/masuk melalui satu pintu sahaja.
2. Masa pergerakan membawa masuk bahan binaan dan loji binaan adalah 8.30 pagi ke atas.
3. Semua kekotoran atau kerosakan atas jalan atau sekitar kawasan tapak bina dipertanggungjawabkan kepada kontraktor terlibat serta dibersihkan atau dibaiki serta merta.
4. Pihak kontraktor/syarikat/pembekal mestilah membuat sanitasi nyah kuman pada bahan dan kenderaan pengangkut sebelum boleh masuk ke dalam kampus UTM.
5. Kontraktor bertanggung jawab memaklumkan kedudukan pintu masuk ke kampus kepada lori bahan binaan dan loji binaan